

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 15 OKTOBER 2014**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Utama Universiti**

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf dan pelajar Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

**KATA ALU-ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik ini.

Hadirin sekalian,

## **INFO PSIKOLOGI**

2. Pada perjumpaan yang lepas, saya telah berkongsi info mengenai 'Tekanan' yang telah disediakan oleh Pusat Kaunseling. Untuk minggu ini, saya akan berkongsi pula mengenai 'Aplikasi Teori Psikologi Dalam Organisasi'
3. Teori Keperluan Maslow yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow pada 1954 menyatakan bahawa manusia mempunyai lima keperluan yang disusun mengikut hirarki. Keperluan asas manusia adalah keperluan fisiologi seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Tahap kedua adalah keperluan keselamatan diri. Keperluan tahap ketiga adalah keperluan sosial. Selepas itu, manusia akan memenuhi keperluan ego dan penghormatan diri. Keperluan tertinggi adalah keperluan kepada kesempurnaan sendiri.
4. Teori ini diaplikasikan bagi memenuhi motivasi seseorang pekerja dengan membekalkan keperluan-keperluannya seperti gaji dan elaun (fisiologi), keselesaan tempat kerja dan insurans (keselamatan diri), bekerja dalam kumpulan (sosial), kebebasan dan keyakinan (ego) serta pengembangan diri (kesempurnaan sendiri).
5. Teori ini membawa dua implikasi penting terhadap pengurusan organisasi. Pertama adalah penting kepada pihak pengurusan untuk mengetahui bila kepuasan hirarki keperluan pekerja bermula dan berakhir supaya mereka dapat merancang sesuatu bagi memotivasikan pekerja. Keduanya, adalah wajar bagi pihak pengurusan organisasi terlebih dahulu menyediakan keperluan-keperluan ini supaya pekerjanya akan menjadi lebih bermotivasi, kreatif dan produktif (Howell, 1976).
6. Menurut Gruneberg (1979), Teori Maslow ini boleh digunakan untuk menjelaskan tingkah laku pekerja. Pekerja yang menjawat jawatan rendah bermotivasi untuk memenuhi keperluan peringkat rendah manakala pekerja yang berjawatan tinggi sentiasa cuba memenuhi keperluan peringkat tinggi.
7. Hal ini dapat memperlihatkan jurang tahap motivasi antara dua kumpulan pekerja. Teori Maslow ini banyak memberi pengajaran kepada pihak atasan agar memahami secara tepat tentang tingkah laku staf sokongan. Keadaan

- inilah yang menyebabkan iklim dan budaya kerja begitu dititikberatkan oleh majikan supaya mendatangkan kepuasan kepada para pekerja.
8. Dalam konteks alam pekerjaan, keperluan-keperluan dalam teori ini perlulah sentiasa dipenuhi. Kegagalan memenuhi tersebut akan menyebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja. Keadaan ini akan berlarutan apabila pekerja sudah tidak bermotivasi lagi untuk bekerja. Kesannya, sebarang maklumat organisasi tidak dapat disampaikan dengan jelas, bekerja sambil lewa, sentiasa berputus asa, menimbulkan konflik dalam persekitaran kerja dan akhirnya akan mengakibatkan sesebuah organisasi tersebut mengalami kemerosotan dari segi produktiviti kerja.
  9. Selain itu, Teori Kewujudan, Perhubungan dan Perkembangan (ERG theory) dikembangkan oleh Alderfer 1969. Teori ini terhasil melalui penambahbaikan Teori Keperluan Maslow. Justru, beliau meringkaskan hirarki keperluan kepada tiga tahap antaranya:
    - i. Keperluan kewujudan (existence) - meliputi keperluan asas seperti makanan, udara, air, gaji dan keadaan kerja.
    - ii. Keperluan Perhubungan (relatedness) - meliputi hubungan peribadi dengan orang lain
    - iii. Keperluan Perkembangan (growth) - keperluan mencari peluang untuk perkembangan dan pertumbuhan diri.
  10. Dalam konteks pekerjaan, ketiga-tiga hirarki keperluan ini perlu wujud bagi mewujudkan suasana pekerjaan yang produktif. Melalui pencapaian setiap tahap keperluan akan menjadikan individu akan bermotivasi untuk bekerja dengan lebih. Hal ini disebabkan keperluan asas seperti gaji, peralatan bekerja disediakan dengan baik, hubungan sesama rakan sekerja turut baik sehingga membolehkan seseorang itu mencapai perkembangan kerjayanya. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

**R&D SYOK SENDIRI**

11. Semalam dalam akhbar Berita Harian telah satu berita mengenai R&D yang saya kira agak kurang menyenangkan. Mereka menyenaraikan 15 universiti dan membandingkan hasil kajian R&D yang dihasilkan universiti tempatan dan jumlah geran yang diterima. Untuk makluman, nama UniMAP juga telah disenaraikan dalam akhbar tersebut.
12. Saya sebagai Naib Canselor UniMAP ingin memberi pesan kepada warga UniMAP untuk tidak melatah dengan apa jua penulisan yang dikeluarkan. Saya juga berharap agar pihak pensyarah dan juga penyelidik UniMAP tidak berasa kecil hati dengan kenyataan tersebut.
13. Hal ini kerana, setiap geran yang diterima oleh penyelidik UniMAP adalah kerana produk yang dihasilkan itu mempunyai nilainya yang tersendiri. Bukanlah tidak menarik minat industri tetapi apapun keputusan memerlukan penelitian dan pemahaman dari pihak industri.
14. Saya berharap agar warga UniMAP mengambil langkah rasional dan tidak mudah melatah dengan isu-isu yang dibangkitkan seperti ini. Malah jadikan ini sebagai satu cabaran untuk terus-menerus mengharumkan nama UniMAP di persada antarabangsa. Amin.

## **PROGRAM YANG AKAN BERLANGSUNG**

### **MAJLIS MAKAN MALAM REGIMENTAL UniMAP**

15. Pada 19 Oktober 2014 ini bertempat di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah akan berlangsung satu Majlis Makan Malam Regimental UniMAP. Majlis Makan Malam Regimental UniMAP kali ini diadakan buat pertama kalinya menggabungkan PALAPES dan SUKSIS UniMAP bagi meraikan pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah di Universiti Pendidikan Sultan Idris [UPSI] pada **23 Ogos 2014** dan Inspektor dalam Polis DiRaja Malaysia di Universiti Teknologi Mara [UiTM] pada **24 Ogos 2014** yang lalu.

16. Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis merangkap Pro-Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan bercemar duli berangkat hadir ke majlis tersebut.

#### **4<sup>th</sup> WORLD UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP 2014**

17. Manakala keesokan harinya iaitu pada 20 Oktober 2014 pula akan bermula **4<sup>th</sup> World University Woodball Championship 2014**. Mengikut maklumat yang saya terima adalah, sebanyak 15 negara dengan 140 orang akan memeriahkan kejohanan tersebut. Jumlah tersebut tidak termasuk delegasi FISU dan juga MASUM.
18. Saya berharap agar semua warga UniMAP akan memberikan sokongan padu terhadap kejohanan tersebut. Hal ini kerana, kejohanan ini adalah kejohanan dunia di mana UniMAP diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah. Ini merupakan satu penghargaan tertinggi dan kita tidak harus mensia-siakannya. InsyaAllah.

#### **PENUTUP**

19. Rasanya cukuplah untuk kali ini, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada warga UniMAP yang sanggup turun padang bagi merealisasikan program senamrobik kita pada pagi ini. Hanya Allah swt sahajalah yang dapat membalas kebaikan hati warga UniMAP. InsyaAllah keikhlasan itu akan dibalas dengan kebaikan. Amin.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.